



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ الْاِغَامَا الْاِسْلَامِ نِغَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 SYAABAN 1445H/ 01 MAC 2024M

SY'ABAN, PERSIAPAN DIRI TINGKATKAN TAKWA DAN IBADAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- ▶ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ▶ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ▶ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ▶ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 29/02/24

DIBACA PADA:

DILULUSKAN OLEH:

ADAM BIN ABUOL HAJ
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informa
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا
أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ (الانعام-162-163)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!!

Saya berpesan kepada diri saya dan jamaah jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala apa yang ditegah atau dilarang. Mudah-mudahan kita menjadi hamba yang beriman serta berjaya di dunia dan di akhirat. Pada hari yang mulia ini, khatib ingin mengajak hadirin jumaat sekalian bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“SY’ABAN, PERSIAPAN DIRI TINGKATKAN TAKWA DAN IBADAH”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sekali lagi khatib ingin mengajak kepada jemaah untuk sentiasa memperkuat dua hal yakni rasa syukur dan takwa kepada Allah SWT. Sifat bersyukur perlu diperkuat kerana sudah banyak nikmat yang dikurniakan kepada kita sehingga tiada keupayaan untuk menghitungnya. Syukur juga sebagai ukuran tanda kita tahu diri dan tahu berterima kasih kepada Allah SWT. Kita harus menyedari bahawa kita adalah makhluk

lemah dan bukan siapa-siapa tanpa pertolongan dan perlindungan Allah SWT.

Oleh sebab itu kita harus terus memacu diri untuk meningkatkan dan menguatkan ketakwaan kepada Allah dengan menjalankan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ingatlah, dengan takwa, kita dapat memperbaiki hubungan dengan Allah SWT dan juga sesama manusia. Takwa itu kunci untuk mendapatkan ampunan Allah, dan mampu menjadi pemicu peningkatan kualiti dan kuantiti ibadah kita di dunia ini. Firman Allah SWT dalam surah az-Zariyaat, ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Yang bermaksud: *“Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada-Ku”.*

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Beberapa hari yang lepas kita telahpun melalui suatu hari yang kita kenali sebagai “Nisfu Sy’aban”. Banyak hadis yang menjadi petunjuk akan kelebihan dan keistimewaan “Nisfu Sy’aban” agar kita memperbanyakkan ‘amal ibadah tanpa menjelaskan ‘amalan-amalan khusus. Antaranya hadis daripada ‘Aisyah Radiallahu ‘anha bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَنْزِلُ لَيْلَةَ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا ، فَيَغْفِرُ لِأَكْثَرِ
مِنْ عَدَدِ شَعْرِ غَنَمِ كَلْبٍ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah SWT turun ke langit dunia pada malam nisfu Sya’ban kemudian mengampunkan sebanyak bilangan bulu kambing pengawal”.* [Riwayat al-Tirmizi, no. Hadith 670]

Hadis ini menjelaskan di mana Allah SWT yang MAHA pengampun akan mengampunkan dosa-dosa orang yang memohon keampunan hanya kepada-Nya. Justeru itu kita digalakkan untuk memperbanyakkan istighfar, bertasbih, membaca al-Quran, bersedekah, berqiamullail dan apa-apa sahaja 'amalan yang dapat mempertingkatkan ketakwaan dan keimanan kita terhadap Allah SWT. Ingatlah janji Allah SWT melalui firman-Nya di dalam surah al -Hijr, ayat 49 :

﴿نَبِيٌّ عَبْدِي أَيُّ أَنَا الْعَفُورُ الرَّحِيمُ﴾

Yang bermaksud: *“Khabarkanlah kepada hamba-hambaKu (wahai Muhammad), bahawa Akulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (bagi mereka yang bertaubat dan beramal soleh).”*

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, sudah tentu menjadi kewajipan untuk kita meneladani dan menjalankan segala sunnah yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Bukan hanya dari segi jumlah ibadah yang dilakukan, namun turut menjadi penting untuk kita berusaha menjaga kualiti ibadah yang dilakukan.

Justeru untuk menjadikan ibadah kita berkualiti dan dapat diperdayakan khususnya pada bulan Sy'aban ini, ada beberapa usaha yang perlu kita lakukan. Di antaranya adalah dengan meningkatkan kesedaran dan kecintaan terhadap Allah SWT. Bagaimana caranya?, hendaklah kita tanamkan di dalam hati kita, bahwa selama kita melaksanakan 'amal ibadah tersebut bukanlah sekadar menggugurkan kewajipan, akan tetapi ianya menjadi suatu keperluan. Dengan terbitnya rasa kehambaan dan kecintaan ini, maka dalam menjalankan ibadah kita dapat melakukannya

dengan tulus dan ikhlas semata-mata karena Allah. Bertepatan dengan firman-Nya di dalam surah al-An'am, ayat 162-163 :

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا
أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

Yang bermaksud : *“Katakanlah (wahai Muhammad): sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.(162). Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian itulah aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) orang Islam yang pertama (yakni yang berserah diri kepada Allah SWT dan mematuhi perintah-Nya)*

HADIRIN JUMAAT YANG DIHORMATI,

Di bulan Sy'aban ini juga sebolehnya kita gunakan untuk memperdalamkan pemahaman serta pengetahuan kita terhadap agama Islam. Dengan memperdalam dan pemahaman terhadap agama yang jelas, maka sudah tentu ia memberikan impak positif terhadap kualiti ibadah kita sekaligus dapat mengangkat darjat seseorang.

Perbandingan seseorang yang menuntut ilmu dan mengamalkan ilmu yang diperolehi dengan seorang yang hanya mengerjakan 'ibadah tanpa pemahaman yang jelas ibarat bulan purnama di malam hari yang di kelilingi kerdipan gugusan bintang-bintang lainnya. Di dalam Riwayat yang lain, Rasulullah SAW pernah menjelaskan kelebihan orang yang suka menuntut ilmu dalam sabdanya Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud :

“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur’an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisinya”. (HR.Muslim (4867)).

JEMAAH JUMAAT SAUDARAKU YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Selain daripada persiapan dalam mempertingkatkan ibadah, bulan Sy’aban juga memberi peluang kepada kita untuk persiapan dari sudut kekuatan fizikal. Bulan Sy’aban dalam Bahasa Arab berasal daripada kata “Syi’ab” yang bermaksud jalan setapak menuju puncak. Persiapan yang dimaksudkan adalah latihan berpuasa sebelum menjalani ‘Ibadah Wajib berpuasa di bulan Ramadan yang insya Allah bakal kita tempuhi beberapa hari sahaja lagi.

Justeru itu, seupaya mungkin kita harus memastikan kesihatan fizikal dan mental dapat dijaga dan dipersiapkan agar pelaksanaan ‘Ibadah puasa dan lainnya dapat dilakukan dengan semaksimanya. Walaupun hanya bersisa beberapa hari sebelum berlabuhnya tirai bulan Sy’aban ini, ianya bukanlah alasan untuk kita masih berleka atau membiarkan sahaja bulan ini berlalu pergi tanpa kita manfaatkannya. Sepatutnya bulan ini sebagai momentum umat Islam menguatkan mental serta memperbaiki akhlak untuk menyambut kehadiran bulan Ramadan. Menyimpul khutbah minggu ini, sekali lagi khatib ingin mengingatkan :

Pertama : Sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang dianugerahkan Allah SWT kepada kita dengan melaksanakan segala yang dititah perintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang ditegah mahupun dilarang-Nya.

Kedua: sebagai hamba, pelaksanaan 'amal ibadah yang kita lakukan bukan sahaja sebagai suatu kewajipan, akan tetapi ia sebagai suatu keperluan rasa kehambaan dan kecintaan kita terhadap Pencipta (Allah SWT).

Ketiga : Jangan biarkan bulan Sy'aban berlalu pergi tanpa sebarang erti atau bermakna dalam kehidupan kita. Firman Allah SWT dalam surah al-'Asr, ayat 1-3 :

وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ

Yang bermaksud : *“Demi masa (1), Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian(2), Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula sering berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran” (3).*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا

كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com